

UCAPAN YAB DATIN SERI
DR. SITI HASMAH BT. HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PEMBUKAAN MESYUARAT AGUNG
LEMBAGA KEBAJIKAN PEREMPUAN ISLAM
KE 22 PADA HARI SABTU,
28HB. MEI, 1983

Bismillahi rahmani rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Maha Mulia Tunku Puan Besar Kurshiah, Yang di Pertua dan semua Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat Lembaga Kebajikan Perempuan Islam, kerana sudi menjemput saya ke majlis ini dan seterusnya untuk merasmikan pembukaan Mesyuarat Agung Lembaga yang ke 22 pada pagi ini.

2. Kita semua maklum bahawa Lembaga Kebajikan Perempuan Islam adalah satu badan sukarela yang menumpukan kegiatannya dalam kerja-kerja kebajikan di samping berusaha meninggikan syiar Islam dan memperbaiki taraf kehidupan wanita Islam. Memandangkan Lembaga ini telah diperluaskan di kebanyakan daerah di seluruh negara, saya berharap aktiviti-aktiviti Lembaga dapat di pertingkatkan lagi sesuai dengan kehendak negara yang pesat membangun, supaya kesannya akan lebih memberi manfaat terutama sekali bagi masyarakat Islam di luar bandar.

3. Saya berasa bangga melihat tahun demi tahun semakin ramai wanita Islam tampil ke hadapan menceburkan diri dalam kerja-kerja sukarela dan saya mengucapkan syabas kepada mereka yang sanggup mengorbankan masa dan tenaga demi kepentingan kebajikan masyarakat. Lapangan yang boleh dibantu oleh badan-badan kebajikan adalah banyak.

Masyarakat kita mempunyai berbagai kekurangan dan amat memerlukan berbagai-bagai kemudahan dan bantuan. Melalui organisasi yang kemas dan program yang teratur kita boleh membuat sumbangan-sumbangan yang berkesan. Masalah-masalah yang dihadapi tidak terhad kepada masyarakat kampung, malahan masyarakat bandar, dan tanggungjawab meringankan beban masyarakat tidak seharusnya dipikul oleh Kerajaan semata-mata. Badan-badan sukarela mempunyai peranan yang sama penting.

4. Negara kita sedang berusaha membasmi wabak dadah yang telah melanda masyarakat kita, khususnya anak-anak muda kita. Dalam hal ini tanggungjawab kita sebagai ibubapa dan anggota keluarga adalah amat penting sekali. Usaha untuk memberi didikan dan asuhan yang sempurna kepada anak-anak kita, agar mereka terhindar dari pengaruh yang tidak sihat, harus diberi keutamaan. Ini adalah amat penting kerana anak-anak hari ini akan menentukan masyarakat akan datang.

5. Keharmonian dan kebahagiaan keluarga dan rumahtangga memerlukan perhatian semua pihak. Kesejahteraan keluarga adalah jaminan kesejahteraan negara. Namun demikian, kita masih mendapati pasangan-pasangan yang masuk ke alam perkahwinan tidak mengetahui sebenar-benarnya tanggungjawab mereka sebagai suami-isteri, dan akhirnya terjadi perceraian. Jika keadaan ini dibiarkan, yang menjadi mangsa daripada perceraian itu ialah anak-anak. Anak-anak ini akan hidup tanpa kasih sayang dan tidak akan menerima didikan yang sepenuhnya daripada kedua ibubapa mereka. Jika perkara perceraian ini sudah berleluasa, maka tidak hairanlah jika terdapat ramai anak-anak muda hari ini mengalami masalah keruntuhan akhlak, dan secara tidak langsung terlibat dengan dadah dan tidak memikirkan akibat kepada diri, masyarakat dan negara.

6. Justeru itu, saya suka mengesyorkan supaya Lembaga Kebajikan Perempuan Islam memberi perhatian kepada soal

kebahagiaan rumahtangga dan mengadakan kelas atau kursus bimbingan bagi mereka yang bercadang untuk mendirikan rumah tangga. Saya mengesyorkan juga supaya diadakan badan penasihat, atau 'counselling', bagi mereka yang menghadapi masalah yang sedemikian. Semoga dengan kursus dan nasihat seperti itu akan mengurangkan pasangan suami-isteri dari menghadapi masalah rumahtangga.

7. Saya percaya Lembaga Pusat, Negeri dan Daerah mampu untuk merancang berbagai aktiviti yang lebih berkesan supaya tidak ada lagi wanita-wanita Islam merasa ketinggalan dalam arus pembangunan, khususnya mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar. Dalam hal ini, sukalah saya menyeru agar lebih ramai lagi wanita-wanita Islam menjadi ahli Lembaga ini, semoga tenaga-tenaga mereka dapat digemblangkan bagi mencapai matlamat dan cita-cita Lembaga untuk memperbaiki serta meninggikan taraf hidup mereka, dan seterusnya memberi sumbangan terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

8. Sesungguhnya pertubuhan-pertubuhan sukarela mempunyai peranan yang amat berat dan besar dalam membangunkan masyarakat, lebih-lebih lagi di luar bandar. Kita semua tahu bahawa masyarakat luar bandar masih memerlukan berbagai-bagai kemudahan sosial. Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab kita dan wanita-wanita Islam untuk membantu saudara sejenis kita dan masyarakat amnya.

9. Usaha Lembaga menubuhkan Pergerakan Puteri Islam amatlah dialu-alukan. Sokongan dan galakan yang sepenuhnya perlu diberikan kepada Pergerakan ini kerana inilah satu-satunya badan yang khusus untuk kepentingan dan kebajikan anak-anak muda kita. Kita berharap melalui Pergerakan ini anak-anak kita benar-benar akan dapat memenuhi hasrat Lembaga untuk membantu melahirkan satu masyarakat Islam yang bertaqwa, berilmu dan berpengetahuan dalam semua bidang. Masa berlalu terlalu cepat dan oleh itu segala usaha mesti

dijalankan segera untuk mengejar kemajuan kerana tanpa usaha tidak ada kejayaan.

10. Saya bangga dengan kemajuan dan sambutan yang diterima mengenai Pergerakan ini, kerana dalam masa yang singkat sahaja keahlian Pergerakan ini telah meningkat, bukan sahaja di negeri-negeri di Semenanjung, tetapi juga di Sabah. Saya berharap Pergerakan Puteri Islam dapat mengatitkan rancangan yang bermanfaat dan menarik supaya lebih ramai lagi anak-anak kita di sekolah, dan gadis-gadis Islam yang bekerja di pejabat-pejabat, firma, kilang, dan lain-lain tempat menjadi ahli Pergerakan ini.

11. Di samping kita bangga dengan kejayaan Pergerakan ini, saya ingin menyentuh tentang pakaian seragam ahli-ahli. Sebagai Penaung Pergerakan Puteri Islam, saya berasa dukacita mendapat tahu bahawa ada segolongan kecil ahli-ahli Pergerakan Puteri Islam telah mengubah syarat-syarat pakaian seragam mengikut hati sendiri. Ini bererti melanggar Perlembagaan Pergerakan Perkara 10 yang telah pun menentukan fesyen dan warna pakaian seragam bagi semua ahli Puteri Islam. Tidakkah tertib atau manis dipandang jika sebahagian Puteri Islam memakai tudung kepala berjenis scarf, sebahagian lagi 'mini' telekong, dan sebahagian pula berselendang.

12. Semua ahli hendaklah sedar bahawa setiap organisasi atau pergerakan perlu menyediakan peraturan-peraturan untuk pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli mengikutinya, supaya urusan pentadbiran dan kegiatan-kegiatan organisasi itu diselenggarakan dengan tertib dan teratur. Ini amatlah penting. Pergerakan Puteri Islam pun mempunyai peraturan-peraturannya sendiri seperti yang termaktub dalam perlembagaan organisasi itu.

13. Dengan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk menasihati ahli-ahli Pergerakan Puteri Islam supaya memahami

benar-benar Perlembagaan dan mematuhinya dengan baik. Ahli-ahli Pergerakan ini akan dapat bergerak dengan lebih berdisiplin, dan dengan disiplin dan semangat yang kuat ahli-ahlinya, Pergerakan ini akan mencapai kejayaan yang lebih besar lagi.

14. Saya yakin, melalui Pergerakan ini, kita dapat mengubah sikap dan cara berfikir anak-anak kita supaya di samping mengerjakan suruhan Allah Subhanahu Wataala, mereka tidak lupa akan tanggungjawab mereka terhadap diri, keluarga, bangsa dan negara.

15. Akhir sekali, saya berdoa semoga Mesyuarat Agung ini mencapai tujuannya dan mendapat kejayaan. Dengan ini juga saya, dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani membuka Mesyuarat Agung Lembaga Kebajikan Perempuan Islam yang ke 22 dengan rasminya.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
